

10 MAY 2002

Mahathir-Pelajar (Bergambar)

SISTEM MERIT AKAN DITERUSKAN UNTUK KEMASUKAN KE IPTA

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bermesyuarat hari ini menyokong pendirian Kementerian Pendidikan untuk tidak menggunakan sistem kuota dalam pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan sebaliknya menggunakan sistem merit, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata walaupun sistem merit yang dilaksanakan bagi kemasukan pelajar ke IPTA tahun ini menunjukkan bilangan pelajar Bumiputera melebihi kuota 55 peratus sebelum ini, ia adalah disebabkan permohonan pelajar Bumiputera yang jauh lebih tinggi berbanding Bukan Bumiputera.

"Ini memberi tafsiran yang mungkin baik dan ada yang tak baik. Bagi pendapat Bumiputera, kemasukan mereka (ke IPTA) yang meningkat adalah sesuatu yang baik tetapi kita khuatir ini akan menyebabkan bilangan (pelajar) Bumiputera (di IPTA) terlalu ramai manakala pelajar Bukan Bumiputera di IPTS (institusi pengajian tinggi swasta) lebih banyak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Perdana Menteri berkata ketidakseimbangan pelajar di IPTA dan IPTS itu akan mewujudkan suasana yang terasing dan kurang sihat.

Pada masa ini sebanyak 75 peratus pelajar Bukan Bumiputera menuntut di IPTS.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengambil langkah untuk menambah bilangan pelajar Bumiputera di IPTS bagi mengeratkan hubungan antara pelajar Bumiputera dan Bukan Bumiputera di institusi-institusi pengajian tinggi.

"Kita percaya di tahun-tahun akan datang lebih ramai pelajar Bukan Bumiputera memohon masuk ke IPTA dan jumlah pelajar Bumiputera (yang meningkat pada kemasukan ini) akan berkurangan," katanya.

Kementerian Pendidikan semalam mengumumkan seramai 32,752 lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan kelayakan setaraf termasuk 22,557 atau 68.9 peratus pelajar Bumiputera dipilih melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah pertama di 17 IPTA tahun ini.

Pemilihan kemasukan pelajar STPM dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibuat berasaskan sistem merit sepenuhnya dan bukan lagi sistem kuota mengikut kaum, yang memperuntukan 55 peratus bagi pelajar Bumiputera dan 45 peratus Bukan Bumiputera, seperti yang diamalkan sebelum ini.

Pada Ogos lepas, Dr Mahathir mengumumkan kerajaan akan mengambil pendekatan radikal bagi menyelamatkan pelajar Melayu daripada belenggu gejala sosial, keruntuhan moral, keciciran dan masalah kekurangan penuntut lelaki di institusi pengajian tinggi.

Antara pendekatan itu termasuklah mempertingkatkan syarat kemasukan pelajar Bumiputera di IPTA menggunakan sistem merit iaitu berdasarkan kecemerlangan dan tanpa bantuan kerajaan.

Perdana Menteri berkata kerajaan menyangka apabila pelaksanaan sistem merit digunakan, ia akan menyebabkan kemasukan bilangan pelajar Bumiputera ke IPTA berkurangan tetapi sebaliknya berlaku iaitu peningkatan kepada 68.9 peratus berbanding 55 peratus seperti yang diperuntukan dalam sistem kuota bagi pelajar Bumiputera.

Pada kemasukan kali ini hanya satu pertiga daripada jumlah permohonan memasuki IPTA adalah daripada pelajar Cina dan India, katanya.

Ditanya sama ada sistem kuota akan dihapuskan sepenuhnya, Dr Mahathir berkata: Kita tidak akan terima masuk (pelajar) mengikut sistem kuota... kita dah buat pengumuman tentang ini tapi tahun-tahun lain kita hendak pinda, itu lainlah."

Ditanya sama ada peningkatan kemasukan pelajar Bumiputera berdasarkan sistem merit itu mengejutkan beliau, Perdana Menteri berkata: "Saya terkejutlah... bila saya kata kita patut ikut sistem merit, saya fikir tentulah jumlah Bumiputera berkurangan tetapi saya dimaklumkan oleh Menteri Pendidikan jumlah sebenarnya meningkat."

Beliau turut ditanya sama ada masyarakat akan meragui bilangan pelajar pelajar yang memasuki IPTA itu, Dr Mahathir berkata mereka yang mempersoalkannya boleh memeriksa sijil dan keputusan pelajar berkenaan.

"Saya tak nampak apa manfaat kepada kita dengan sengaja menambah bilangan Bumiputera (memasuki IPTA)," katanya.

Mengenai wujudnya aduan bahawa bilangan kemasukan pelajar itu telah dimanipulasi, beliau berkata: "Tiada manipulasi... sebabnya penuntut Cina dan India tidak berminat ambil STPM."

Dr Mahathir semasa mengulas perkara yang sama semalam di Kertih, Terengganu berkata bahawa peningkatan kemasukan pelajar Bumiputera itu antara lain adalah disebabkan pelajar Bukan Bumiputera tidak ramai mengambil STPM.

-- BERNAMA

WNZ HS PR